A

Tan Chee Khang lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05–180–07 TAHUN 2014
MOHTARUDIN BAKI, TENGKU MAIMUN HHMR DAN KAMARDIN HASHIM HMT
10 MAC 2016

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah atas tuduhan mengedar dadah dan dijatuhkan hukuman mati mandatori — Sama ada perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai — Sama ada 'Alcontara notice' dipatuhi — Sama ada keterangan perayu boleh dipercayai — Sama ada hakim bicara betul dalam membuat dapatan fakta dan undang-undang

D

Ini adalah rayuan terhadap sabitan dan hukuman hakim Mahkamah Tinggi yang menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap perayu atas tuduhan mengedar dadah berbahaya dibawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. SP4 yang mengetuai pasukan polis telah membuat pemerhatian di tempat kejadian dan ketika pemerhatian, beliau melihat perayu sedang berjalan berseorangan dengan menjinjing satu beg plastik hitam ('P12'). Atas arahan SP4, SP5 bersama anggota lain telah menghampiri perayu dan memperkenalkan diri sebagai polis. Perayu telah cuba melarikan diri ke arah tangga sebuah kedai tetapi berjaya ditangkap. SP5 merampas beg plastik tersebut dan bertanya kepada perayu tentang kandungan plastik tersebut. Perayu menjawab 'ice'. SP4 telah memeriksa kandungan beg plastik tersebut di hadapan perayu dan mendapati dua sampul surat yang berisi peket plastik lut sinar mengandungi ketulan-ketulan kristal yang disyaki dadah jenis methamphetamine. Perayu dan barang-barang kes yang dirampas telah diserahkan kepada pegawai penyiasat SP9. Ahli kimia kerajaan ('SP3') telah mengesahkan bahawa ketulan-ketulan kristal tersebut adalah dadah jenis Methamphetamine dengan berat bersih 1,075.1g. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati bahawa 'mens rea possession' telah dibuktikan iaitu milikan, kawalan dan pengetahuan. Dalam kes pembelaan perayu menyatakan bahawa dia bekerja sebagai tukang masak dan telah berhenti kerja. Pada hari kejadian, dia telah meminjam kereta kawan sebiliknya, 'Ah Loon' untuk pergi ke satu temu duga di sebuah restoran di Kuala Lumpur. Setelah selesai temu duga perayu telah menerima panggilan telefon daripada 'Ah Loon' meminta perayu menyerahkan barang di dalam beg plastik kepada 'Ah Cheh'. Semasa perayu sedang berjalan ke arah tempat penyerahan beg tersebut, dia terdengar jeritan 'berhenti jangan bergerak' tetapi dia terus berjalan. Pada masa yang sama perayu telah menerima panggilan telefon daripada 'Ah Cheh'

E

F

G

H

I

menyuruhnya cepat. Perayu bergerak pantas menuju anak tangga, pada masa yang sama dia ditahan oleh pihak polis. Perayu menyatakan dia tidak tahu isi kandungan beg tersebut dan pihak polis tidak memeriksa beg plastik tersebut di tempat tangkapan. Perayu juga menafikan bahawa dia telah memberitahu pihak polis di dalam beg plastik tersebut terdapat 'ice'. Perayu menyatakan bahawa, ketika di balai polis, dia telah memberitahu bahawa beg plastik itu kepunyaan rakannya. Pembelaan tidak memanggil saksi lain selain perayu dan perayu juga tidak mengemukakan percakapan beramarannya. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah, justeru, perayu disabitkan dengan tuduhan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori. Perayu membuat rayuan terhadap sabitan dan hukuman hakim bicara. Perayu berhujah bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai dalam beg plastik tersebut. Perayu juga menegaskan bahawa hakim bicara gagal mempertimbangkan fakta bahawa SP9 gagal menyiasat 'Ah Loon' yang dikatakan meminta perayu untuk menghantar beg plastic tersebut kepada 'Ah Cheh'.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman:

(1) Mahkamah menolak hujah bahawa perayu tiada 'pengetahuan'. Pengakuan perayu apabila ditanya mengenai kandungan beg plastik dan menjawab 'ice' telah ditolak oleh hakim bicara. Hakim bicara tidak mempertimbangkan pengakuan tersebut. Walau bagaimanapun dengan berpandukan kepada keterangan bebas rakaman CCTV ('eksh P26') ia jelas menunjukkan perlakuan perayu cuba melarikan diri. Perlakuan melarikan diri tersebut adalah diterima di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 yang melazimkan hakim bicara membuat 'inference' bahawa pelaku yang melarikan diri dianggap mempunyai pengetahuan (lihat perenggan 16–17).

(2) Mahkamah menolak hujah mengenai kegagalan SP9 untuk menyiasat rakan perayu bernama 'Ah Loon' sebagai tidak bermerit. Watak 'Ah Loon' hanya timbul semasa perbicaraan. Semasa SP4 dan SP5 memberi keterangan tidak terdapat apa-apa soalan mengusulkan watak 'Ah Loon' atau 'Ah Cheh'. Sekiranya benar beg plastik berisi dadah tersebut kepunyaan 'Ah Loon' dan beliau hanya menuruti arahan atau permintaan 'Ah Loon' seharusnya beliau memberitahu pegawai-pegawai polis yang menangkapnya (lihat perenggan 19–20).

(3) Semasa memberi keterangan, SP9 menafikan perayu ada memberitahu nama 'Ah Loon' atau 'Ah Cheh'. Perayu hanya memberitahu penama 'Ah Seng' tetapi perayu tidak memberi butir-butir pengenalan 'Ah Seng' menyebabkan SP9 tidak dapat menyiasat watak 'Ah Seng'. Dengan itu adalah jelas 'Alcontara notice' tidak dipatuhi atau dipenuhi (lihat perenggan 22).

(4) Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa beban bukti pembelaan untuk menimbulkan keraguan yang munasabah dan bukanlah sebarang 'imaginary' atau 'fanciful doubt'. Sebagai seorang saksi, perayu juga terikat dengan ujian-ujian kebolehpercayaan ('credibility'). Hakim bicara telah menilai keterangan perayu bahawa pada hari tersebut dia menghadiri temu duga, namun pakaian perayu dengan berseluar pendek dan baju T tidak berkolar tidak 'consistent' dengan temu duga walaupun untuk pekerjaan sebagai tukang masak. Hakim bicara juga meneliti keterangan pembelaan secara maksima dan mendapati perayu tidak membawa saksi-saksi atau keterangan lain untuk memberi nilai ('weight') kepada pembelaannya. Berdasarkan alasan-alasan yang diberikan, mahkamah telah memutuskan bahawa hakim bicara tidak tersalah arah dirinya di dalam membuat dapatan fakta dan undang-undang (lihat perenggan 23–24).

[English summary

This was an appeal against the conviction and sentence by the High Court judge who sentenced the appellant to mandatory death for the charge of trafficking in dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. SP4, who led a team of police officers, carried out surveillance at the crime scene and during the surveillance, he saw the appellant walking alone while carrying a black plastic bag ('P12'). Acting upon the instruction of SP4, SP5 and other personnel approached the appellant and introduced themselves as police. The appellant attempted to flee by running towards the staircase of a shop but was successfully apprehended. SP5 seized the plastic bag and asked the appellant of its contents. The appellant answered 'ice'. SP4 examined the content of the plactic bag in front of the appellant and found two envelopes containing two transparent plastic packets of crystalline substances suspected to be methamphetamine. The appellant and the seized items were handed to the investigating officer ('SP9'). The government chemist ('SP3') confirmed that the crystalline substances were methamphetamine with a nett weight of 1,075.1g. At the conclusion of the prosecution's case, the trial judge found that mens rea possession, namely possession, control and knowledge had been proven. In his defence, the appellant submitted that he was working as a cook and had resigned. On the day of the incident, he had borrowed his roommate's car ('Ah Loon') to attend an interview at a restaurant in Kuala Lumpur. After the interview ended, the appellant received a call from Ah Loon, asking the appellant to hand the items in the plastic bag to one Ah Cheh. When the appellant walked towards the place where the bag was to be handed, he heard someone shouting 'berhenti jangan bergerak' but he kept on walking. At the same time, the appellant received a telephone call from Ah Cheh telling him to move faster. The appellant moved faster towards the stairs and at the same time he was arrested by the police. The appellant stated that he did not know the contents of the bag and the police did not examine the plastic bag at the place where he was arrested. The appellant also denied that he had informed the

police that there was ice in the plastic bag. The appellant stated that when he was at the police station, he told the police that the plastic bag belonged to his friend. The defence did not call other witnesses aside from the appellant and the appellant did not adduce his cautioned statement. At the conclusion of the defence's case, the trial judge found that the appellant failed to raise reasonable doubt and the appellant was convicted for the charge and sentenced to mandatory death. The appellant appealed against the conviction and sentence by the trial judge. The appellant averred that he did not have any knowledge about the drugs found in the plastic bag. The appellant also submitted that the trial judge failed appreciate the fact that SP9 failed to investigate Ah Loon who allegedly asked the appellant to carry the plastic bag and hand it to Ah Cheh.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) The court dismissed the contention that the appellant did not have the knowledge. The appellant's admission when asked about the contents of the bag and when he replied 'ice' was dismissed by the trial judge. The trial judge did not consider the admission. However, based on the independent evidence of the CCTV recording ('exh P26'), the appellant was clearly seen trying to escape. The act of trying to take flight was admitted under s 8 of the Evidence Act 1950 regularised a trial judge to make an inference that the act performer trying to flea was said to have knowledge (see paras 16–17).

(2) The court dismissed the contention that SP9's failure to investigate the appellant's friend, Ah Loon was without merit. Ah Loon's character did not arise during trial. When SP4 and SP5 testified that there was no question as to the characters of Ah Loon or Ah Cheh. If it was true the plastic bag containing the drugs belonged to Ah Loon and he was only following order or acting on Ah Loon's instruction, he should have told the police officers who arrested him (see paras 19–20).

(3) When he gave evidence, SP9 denied that the appellant gave him the Ah Loon or Ah Cheh's name. The appellant only mentioned Ah Seng's name but the appellant did not give the details of Ah Seng's identification, causing SP9 to be unable to investigate on Ah Seng. Therefore, it was clear that the 'Alcontara notice' was not complied with or satisfied (see para 22).

(4) It is trite law that the burden of proof of the defence was to raise reasonable doubt and not imaginary or fanciful doubt. As a witness, the appellant was bound to the credibility test. The trial judge assessed the appellant's evidence that on the day he attended the interview but he was wearing shorts and collarless T-shirt which were not consistent with the interview as a cook. The trial judge also gave maximum evaluation to the defence's case and found that the appellant did not produce witnesses or adduce other evidence to give weight to his defence. Based on these

reasons, the court held that the trial judge did not misdirected himself in making the finding of facts and law (see paras 23–24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 301–419.

Kes-kes yang dirujuk

Ibrahim Mohamad & Anor v PP [2011] MLJU 1491; [2011] 4 CLJ 113, MP (dibeza)
Marlan Marpaung v PP [2013] 1 MLJ 108; [2012] 8 CLJ 41, MR (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649. MT (dirujuk)
Teng Howe Sing v PP [2009] 3 MLJ 46; [2009] 3 CLJ 733, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da)(xvi), 39B(1)(a), 39B(2)
Akta Keterangan 1950 s 8

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-34–04 Tahun 2013 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Geethan Ram (Vincent dan Syazlin Mansor bersamanya) (Sivananthan) bgai pihak perayu.
Mohd Mukhzany Fariz bin Mohd Mokhtar (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohtarudin Baki HMR:

[1] Perayu telah dituduh dan disabitkan di bawah pertuduhan mengedar dadah berbahaya. Perayu telah dijatuhkan hukuman mati mandatori. Rayuan ini adalah terhadap sabitan dan hukuman tersebut.

PERTUDUHAN

[2] 'Bahawa kamu pada 6 Februari 2013 jam lebih kurang 3.55 petang di hadapan Backstage Salon, Bangunan Bintang Fairlane Residences, Jalan Walter Grenier, Bukit Bintang dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 1,075.1g, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama'.

[3] Kami telah mendengar rayuan perayu. Kami sebulat suara menolak rayuan perayu. Pada asasnya kami bersetuju dengan penghakiman hakim bicara. Penghakiman hakim bicara dapat dilihat di ms 88–126 rekod rayuan Jld 1.

[4] Fakta kes telah dihuraikan oleh hakim bicara di dalam penghakiman bertulis beliau. Kami tidak berhasrat untuk mengulanginya di sini kecuali fakta-fakta tertentu untuk tujuan penghakiman kami.

[5] Kes pendakwaan:

(a) bertindak atas maklumat yang diterima, ASP Ahmad Jefferi bin Abdullah ('SP4'), telah mengetuai pasukan polis membuat pemerhatian di tempat kejadian seperti di dalam pertuduhan;

(b) selepas lebih kurang 15 minit, SP4 telah melihat seorang lelaki (kemudiannya dicamkan sebagai perayu) sedang berjalan berseorangan dengan menjinjing satu beg plastik hitam ('P12') di tangan kiri beliau;

(c) SP4 telah mengarahkan anggota beliau, Insp Roslan bin Tambi ('SP5') untuk menahan perayu. SP5 bersama anggota sokongan lain telah menghampiri perayu dan memperkenalkan diri sebagai polis;

(d) perayu telah cuba melarikan diri ke arah tangga sebuah kedai 'The Backstage Saloon' berhampiran, tetapi berjaya ditangkap;

(e) SP5 telah merampas beg plastik tersebut dan bertanya kepada perayu, apakah benda di dalam beg plastik tersebut. Perayu menjawab 'ICE'. Seterusnya SP5 telah membawa perayu dan beg plastik tersebut kepada SP4;

(f) SP4 telah memeriksa kandungan beg plastik tersebut di hadapan perayu. SP4 mendapati dua sampul surat ('P13A dan B'), tiap satu berisi satu peket plastik lut sinar mengandungi ketulan-ketulan kristal yang disyaki dadah berbahaya jenis syabu atau methamphetamine;

(g) pemeriksaan badan perayu telah dijalankan dan diperolehi wang tunai RM370 ('P22'), tiga telefon bimbit ('P18, P19 dan P20') dan serangkai anak kunci. Perayu telah membawa SP4 dan anggotanya ke sebuah kereta bernombor pendaftaran WNM 9974 yang diletakkan di hadapan kedai 7-Eleven berhampiran tempat kejadian;

(h) perayu dan barang-barang kes yang dirampas telah diserahkan kepada pegawai penyiasat, Insp Kumbat anak Tan ('SP9');

(i) SP9 telah menghantar bahan-bahan yang disyaki dadah berbahaya kepada jabatan kimia kerajaan untuk tujuan penganalisaan; dan

(j) Dr Vanitha a/p Kunalan ('SP3'), ahli kimia kerajaan telah menjalankan analisis terhadap bahan-bahan ketulan kristal tersebut dan mengesahkan bahawa ianya mengandungi dadah berbahaya jenis methamphetamine dengan berat bersih 1,075.1g. Methamphetamine adalah sejenis dadah berbahaya yang disenaraikan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

[6] Dapatan hakim bicara di akhir kes pendakwaan menyatakan bahawa 'mens rea possession' telah dibuktikan iaitu milikan, kawalan dan juga pengetahuan. Hakim bicara telah menerima keterangan lisan SP4 dan SP5, malah, menurut hakim bicara beliau telah melihat eksibit 'CCTV recordings' yang diperolehi oleh pihak polis dari bilik kawalan 'Fairlane Residences' berhampiran tempat kejadian (rujuk ms 38 dan 38A RR). Menurut hakim bicara adalah jelas perayu menjinjit satu beg plastik sedang berjalan. Perayu dilihat melarikan diri. Adalah jelas perayu mempunyai 'physical possession' terhadap beg plastik tersebut (di mana dadah-dadah berbahaya tersebut dijumpai) dan perbuatan perayu melarikan diri diterima sebagai pembuktian elemen 'pengetahuan'. Mengenai elemen pengedaran pula hakim bicara telah menerima pakai s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952, iaitu andaian undang-undang mengenai 'pengedaran'. Andaian ini boleh diakas atas imbangan kebarangkalian.

[7] Pembelaan:

(a) perayu menyatakan beliau bekerja sebagai tukang masak dan tinggal bersama tujuh orang lain di sebuah pangsapuri, Kepong. Perayu berkongsi bilik dengan rakan beliau bernama Leong Teck Loon atau dengan nama panggilan 'Ah Loon';

(b) dua atau tiga minggu sebelum kejadian, perayu telah berhenti kerja. Pada hari kejadian, beliau telah meminjam kereta 'Ah Loon' untuk pergi ke satu temu duga di Overseas Restaurant, Jalan Imbi, Kuala Lumpur. Temu duga tersebut dijadualkan pada pukul 3 petang;

(c) beliau telah meletakkan kereta di belakang 'Overseas Restaurant' tersebut. Setelah selesai temu duga perayu telah menerima panggilan telefon daripada 'Ah Loon' meminta perayu menyerahkan satu barang di dalam beg plastik yang berada di dalam 'boot' kereta tersebut kepada rakan 'Ah Loon' bernama 'Ah Cheh'. 'Ah Loon' akan meminta 'Ah Cheh' untuk memanggil perayu;

(d) 'Ah Cheh' telah menelefon perayu dan memberitahu perayu bahawa dia menunggu di sebuah 'Unisex Saloon' di belakang bangunan Lot 10 berhampiran dengan sebuah hotel. Perayu telah mengambil barang dalam satu beg plastik yang dikatakan dari kereta tersebut dan berjalan ke arah kedai 'Unisex Saloon';

A (e) semasa perayu sedang berjalan ke arah 'Unisex Saloon' tersebut, beliau terdengar jeritan 'berhenti jangan bergerak', beliau terus berjalan. Pada masa yang sama beliau telah menerima panggilan telefon daripada 'Ah Cheh' menyuruh perayu cepat. Perayu bergerak pantas menuju anak tangga, pada masa yang sama beliau ditahan oleh pihak polis;

B (f) perayu menyatakan beliau tidak tahu apakah barang di dalam beg plastik yang dibawa oleh beliau untuk diserahkan kepada 'Ah Cheh' atas suruhan 'Ah Loon'. Pihak polis tidak memeriksa beg plastik tersebut di tempat tangkapan. Perayu menafikan bahawa beliau ada memberitahu pihak polis di dalam beg plastik tersebut terdapat 'ice';

C (g) apabila perayu dibawa ke balai polis, perayu ada memberitahu bahawa beg plastik tersebut adalah kepunyaan rakan beliau. Perayu kemudiannya telah memandu arah pasukan polis ke pangsapuri di mana beliau tinggal bersama rakan-rakan beliau. Malangnya 'Ah Loon' tidak berada di rumah ketika itu; dan

D (h) selain dari perayu tiada saksi lain dipanggil oleh pembelaan. Perayu juga tidak mengemukakan percakapan beramaran beliau.

E **[8]** Dapatan hakim bicara di akhir kes pembelaan bahawa pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah serta gagal mengakas andaian undang-undang di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952, justeru perayu disabitkan dengan pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori.

F **[9]** Di hadapan kami, peguam perayu yang bijaksana hanya berhujah atas dua isu sahaja iaitu:

G (a) perayu tiada 'pengetahuan' mengenai dadah yang dijumpai di dalam beg plastik yang dipegang oleh beliau; dan

(b) hakim bicara gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap pembelaan iaitu hakim bicara gagal mempertimbangkan fakta bahawa pegawai penyiasat polis gagal menyiasat pihak ketiga 'Ah Loon' yang

H dikatakan meminta perayu untuk menghantar beg plastik (mengandungi dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan) kepada rakan 'Ah Loon' iaitu 'Ah Cheh'.

PENGETAHUAN

I **[10]** Elemen pengetahuan hanya boleh dibuktikan melalui keterangan sekeliling ('circumstantial'). Fakta yang tidak dipertikaikan ialah perayu menjinjit beg plastik berisi dua sampul surat di mana tiap satu sampul surat berisi peket plastik mengandungi dadah-dadah berkenaan. Jika dilihat dari

gambar di ms 4 RR Jld 2 jelas menunjukkan beg plastik tersebut adalah kecil dan tidak bertutup meteri atau berkunci. Ianya mudah untuk perayu melihat dadah-dadah tersebut.

[11] Hujah peguam perayu yang bijaksana berlandaskan kepada fakta bahawa apabila ditahan oleh pihak polis, perayu tidak membuang beg plastik yang dipegang oleh beliau. Ini adalah 'consistent' dengan perlakuan seseorang yang tidak mengetahui bahawa di dalam beg plastik tersebut berisi dadah berbahaya.

[12] Keduanya, perbuatan perayu melarikan diri perlu dilihat dari fakta bahawa kesemua anggota-anggota polis yang menahan perayu tidak memakai pakaian seragam polis, adalah wajar bagi perayu untuk melarikan diri dari orang yang tidak dikenali. Peguam perayu telah membawa perhatian kami kepada kes Mahkamah Persekutuan, *Ibrahim Mohamad & Anor v Public Prosecutor* [2011] MLJU 1491; [2011] 4 CLJ 113:

> [20] Based on the above s 8(2) of the Evidence Act 1950, there are two types of conduct which is relevant, namely prior and subsequent conduct. *Evidence of conduct is an equivocal act and is capable of more than one interpretation. Accordingly, evidence of conduct must not be referred to in isolation. Instead, conduct must be considered with other evidence or circumstances.* In the present case it can be argued that both the accused had no knowledge about there being the said drugs in the vehicle. This is because they had not attempted to escape when they were in a position to do so upon seeing the existence of a police road block. Apart from that both the accused did not portray any form of suspicious behavior. All these are indication of their state of mind, namely that they had no knowledge about the presence of drugs in the vehicle. On this point a comparison can be made with the factual circumstances as in the case of *Ridwan v PP* [2010] 4 CLJ 570. In that case, the appellant was charged for the offence of drug trafficking. The appellant was seen behaving suspiciously and upon approaching the custom checkpoint, the appellant started retreating and running towards the immigration counter before he was eventually apprehended by security officers. The court found the prior conduct of the appellant before being arrested showed he was behaving suspiciously and therefore it can be inferred that he had the mens rea to commit the offence.

[13] Seterusnya peguam terpelajar telah berhujah bahawa pengakuan perayu apabila ditanya apakah kandungan beg plastik yang dipegangnya, perayu menjawab 'ice' (iaitu panggilan nama dadah berbahaya methamphetamine) telah ditolak oleh hakim bicara. Ini dapat dilihat di perenggan 73 penghakiman:

> 73. As to whether the caution under s 37B(1)(b) of the Dangerous Drugs Act 1952 was in fact read to the accused, the Court had viewed the CCTV recording (P26) and notes that from the time that Inspector Roslan reaches the accused to the time that the whole group goes down the stairs, the time that had elapsed was only about 16 to 20 seconds. The Court questions whether PW5 would have had sufficient

time to give or read the words of the caution under s 37B(1)(b) of the Dangerous Drugs Act 1952 to the accused, to ask the accused if he understood the caution, and to have received the alleged reply 'ice' from the accused within that short space of time. The Court is thus of the considered view that PW 4's evidence in this regard about the caution and the accused's response is doubtful and the Court would reject it accordingly.

[14] Kami telah menolak hujah bahawa perayu tiada 'pengetahuan'. Perlakuan perayu tidak membuang beg plastik mengandungi dadah tersebut adalah disebabkan perayu terkejut dan tergamam. Perayu cuba melarikan diri tetapi berjaya ditangkap oleh pihak polis. Jika dilihat dari penghakiman hakim bicara di dalam perenggan 73 di atas dan nota keterangan di ms 55 RR Jld 1, adalah jelas hakim bicara telah melihat rakaman CCTV menunjukkan dari mula SP5 menghampiri perayu sehingga perayu ditahan adalah di antara 16–20 saat. Jarak masa yang singkat berserta dengan elemen kejutan menyebabkan perayu cuba melarikan diri tetapi tidak berkesempatan membuang beg plastik yang dipegang oleh beliau.

[15] Nas undang-undang yang dirujuk oleh peguam perayu iaitu *Ibrahim Mohamad v Public Prosecutor* adalah berbeza dari segi fakta matan. Di dalam kes *Ibrahim Mohamad*, tertuduh yang memandu kereta dengan mudah dapat melihat sekatan jalan raya oleh polis berpakaian seragam. Tertuduh berpeluang untuk melarikan diri tetapi tidak berbuat demikian. Sebaliknya fakta di dalam rayuan di hadapan kami, perayu tidak menyangka beliau sedang diperhatikan oleh pihak polis yang berpakaian awam. Apabila disergah, perayu terkejut dan cuba melarikan diri. Ini dapat dilihat dari rakaman CCTV footage di ms 38–38A RR Jld 2.

[16] Hujah seterusnya mengenai pengakuan perayu apabila ditanya apakah kandungan beg plastik yang dipegangnya. Perayu menjawab 'ice'. Pengakuan ini telah ditolak oleh hakim bicara. Kami merujuk kepada perenggan 74 penghakiman hakim bicara (ms 113 RR Jld 1) bahawa hakim bicara tidak mempertimbangkan pengakuan tersebut tetapi dengan berpandukan kepada keterangan bebas rakaman CCTV ('Ex P26') jelas menunjukkan perlakuan perayu cuba melarikan diri.

[17] Mengenai perlakuan melarikan diri adalah diterima di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 yang melazimkan hakim bicara membuat 'inference' bahawa pelaku yang melarikan diri dianggap mempunyai pengetahuan, prinsip ini telah diputuskan di dalam kes tersohor *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649.

[18] Prinsip tersebut telah diikuti oleh banyak kes-kes terkemudian, di antaranya *Marlan Marpaung v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 108; [2012] 8

CLJ 41:

> [19] The prosecution's case hinged on the evidence of SP1 which was corroborated by SP7. It is a straightforward case where the appellant was seen carrying a black plastic bag (exh 'P24') in his right hand while walking along Jalan Kem with Paridah Wahid. The police party led by SP1 laid an ambush and in the course of effecting an arrest, the appellant put up a struggle and the black plastic bag (exh 'P24') slipped from the appellant's right hand and it dropped to the ground. The appellant then made an attempt to run, but it was shortlived. The appellant was arrested by SP1 assisted by SP7 not far from the place of incident. In our judgment, knowledge that the appellant knew that he was carrying the dangerous drugs in the black plastic bag (exh 'P24') can be inferred from the appellant's act of fleeing. The circumstances here showed that when the police party introduced themselves as police personnel, that introduction triggered the conduct of the appellant in putting up a struggle and in fleeing. There was certainly a nexus between the appellant's conduct and the offence. Such conduct is admissible under s 8 of the Evidence Act 1950 (*PP v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649 (HC)).

[19] Isu kedua iaitu kegagalan pegawai penyiasat ('SP9') untuk menyiasat rakan perayu bernama 'Ah Loon' yang meminta perayu menghantar beg plastik (mengandungi dadah-dadah berkenaan) kepada rakan 'Ah Loon' bernama 'Ah Cheh'.

[20] Kami juga menolak hujah ini sebagai tidak bermerit. Hakim bicara telah membuat dapatan fakta bahawa watak 'Ah Loon' meragukan (rujuk penghakiman hakim bicara di ms 122–124 RR Jld 1). Hakim bicara dengan jelas menyatakan bahawa watak 'Ah Loon' hanya timbul semasa perbicaraan. Semasa SP4 dan SP5 selaku pegawai tangkapan memberi keterangan tidak ada apa-apa soalan mengusulkan watak 'Ah Loon' atau 'Ah Cheh'. Menurut hakim bicara sekiranya benar beg plastik berisi dadah-dadah tersebut kepunyaan 'Ah Loon' dan beliau hanya menuruti arahan atau permintaan 'Ah Loon' seharusnya beliau memberitahu pegawai-pegawai polis yang menangkap beliau.

[21] Prinsip yang sama telah diputuskan di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Teng Howe Sing v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 46; [2009] 3 CLJ 733:

> [30] ... On this point we would like to refer to the case of *PP v Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585; [1987] 1 LNS 72, wherein Lim Beng Choon J at p 591 said that:
>
> ... So we are left with nothing more than the bare oral assertion of the accused that it was Noor Azlan who asked him to collect the bag on behalf of the former and that the accused himself had no knowledge of the contents of P3. If that be the case, one would hardly imagine that he would not have told either PW3 or PW5 at the railway station at Alor Setar at the time of his arrest that P3 belonged to Noor Azlan instead of saying that there was nothing in P3.

A [31] In *Badrulsham*'s case, the court of the view that the failure of the accused to inform the raiding officers that the white plastic bag belonged to Noor Azlan at the time of his arrest and only revealing this information during the interrogation two hours after his arrest, goes some way to support the case for the prosecution.

B 'ALCONTARA NOTICE'

[22] Semasa pegawai penyiasat ('SP9') memberi keterangan adalah diakui terdapat soalan balas mengenai 'Ah Loon' dan 'Ah Cheh' di ms 64 dan 65 RR Jld 1. Walau bagaimanapun SP9 menafikan perayu ada memberitahu nama 'Ah
C Loon' atau 'Ah Cheh'. Apa yang diberitahu oleh perayu kepada SP9 ialah penama 'Ah Seng' tetapi perayu tidak memberi butir-butir pengenalan 'Ah Seng' menyebabkan SP9 tidak dapat menyiasat watak 'Ah Seng'. Dengan itu adalah jelas 'Alcontara notice' tidak dipatuhi atau dipenuhi ('fulfilled').

D **[23]** 'Credibility' perayu sebagai seorang saksi. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa beban bukti pembelaan untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ('reasonable doubt'). Ianya bukanlah sebarang 'imaginary' atau 'fanciful doubt'. Sebagai seorang saksi, perayu juga terikat dengan ujian-ujian kebolehpercayaan ('credibility'). Hakim bicara telah
E menilai keterangan perayu bahawa pada hari tersebut beliau menghadiri temu duga, tetapi dari pemerhatian hakim bicara, pakaian perayu dengan berseluar pendek dan baju T tidak berkolar tidak 'consistent' dengan 'temu duga' walaupun untuk pekerjaan sebagai tukang masak. Hakim bicara juga meneliti keterangan pembelaan secara maksima. Hakim bicara mendapati perayu tidak
F membawa saksi-saksi atau keterangan lain untuk memberi nilai ('weight') kepada pembelaan beliau. Watak 'Ah Loon' jika wujud sudah pasti mudah dibuktikan dengan memanggil rakan-rakan serumah atau majikan mereka, tetapi perayu memilih untuk tidak memanggil mana-mana mereka. Malah percakapan beramaran juga tidak dikemukakan.

G **[24]** Atas alasan-alasan di atas kami sebulat suara memutuskan bahawa hakim bicara tidak tersalah arah dirinya di dalam membuat dapatan fakta dan undang-undang. Keterangan adalah kukuh. Sabitan dan hukuman dikekalkan. Rayuan perayu ditolak.

H *Rayuan ditolak; sabitan dan hukuman dikekalkan.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

I